



**SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN LELONGAN AWAM
(SESI 1), MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU
(KENDERAAN BURUK SITAAN) BIL. 2/2025
PADA HARI ISNIN, 25 OGOS 2025**

1. Hendaklah Warganegara Malaysia dan berumur 18 tahun dan ke atas.
2. **DIGALAKKAN** Pemakaian Pelitup Muka
 - 2.1 Kepada individu yang bergejala respiratori
 - 2.2 Individu yang berisiko tinggi seperti warga emas, individu yang berpenyakit kronik, individu dengan imuniti rendah atau ibu mengandung.

Penggunaan Hand Sanitizer

- 2.3 Menggunakan *hand sanitizer* kepada petugas, pembida, pembantu dan orang ramai yang hadir semasa acara lelongan.

Penjarakan sosial

- 2.4 Mengamalkan penjarakan sosial semasa aktiviti lelongan dilaksanakan.

Tertakluk kepada arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia

3. Pembida **wajib memiliki lesen menjual barangan lusuh dan terpakai di bawah Akta Peniaga Sekenhend 1946 (Akta 189)** yang sah dan berkuatkuasa.
4. Lelongan adalah berdasarkan pembidaan melalui tawaran bidaan tertinggi dari harga rizab atau harga yang ditentukan oleh Pelelong.
5. Pembida/Pembeli yang berjaya hendaklah menjelaskan bayaran secara **TUNAI/KAD KREDIT/KAD DEBIT/QRPAY** sepenuhnya pada hari lelongan.
6. Kenderaan buruk yang dilelong adalah seperti sedia ada sebagaimana yang dipamer untuk lelongan.
7. Urusan pengangkutan kenderaan buruk adalah tanggungjawab pembida/pembeli yang berjaya itu sendiri.
8. Kenderaan buruk yang telah dilelong/dibeli perlu dijelaskan bayaran **pada atau sebelum jam 1.00 tengah hari, 25 Ogos 2025 (Isnin)**.

9. Barang-barang yang telah dibida dan dibayar hendaklah **dileraikan dan dipotong dengan menggunakan jentera, kelengkapan, dan peralatan sendiri di dalam kawasan tapak simpanan** sebelum dibawa keluar dari tempat tersebut. **Bekalan kuasa elektrik tidak disediakan.**
10. Pembida juga **dilarang membuat urusan jual beli** di tapak simpanan.
11. Pembida diberi tempoh **lima (5) hari (25 Ogos hingga 29 Ogos 2025)** untuk membawa keluar, menuntut, mengambil barang-barang tersebut selepas bayaran dibuat, dalam waktu mulai jam 8.00 pagi sehingga 5.00 petang. Sebarang kos dan risiko adalah di bawah tanggungjawab pembida tanpa apa-apa liabiliti kepada Majlis.
12. Kegagalan menuntut/mengambil kenderaan buruk selepas tempoh yang ditetapkan tamat akan dianggap **TERBATAL** dan wang pembelian **TIDAK** akan dikembalikan.
13. Majlis **TIDAK AKAN MENANGGUNG** sebarang kerugian di atas kerosakan dan/atau kehilangan kenderaan buruk semasa atau selepas lelongan.
14. Majlis **TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB** jika terdapat kekhilafan pada gambar-gambar paparan dalam laman sesawang dan/atau mana-mana paparan pemberitahuan dengan kenderaan-kenderaan yang dilelong.
15. Majlis **TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB** atas apa-apa tindakan dan/atau pendakwaan kesalahan bagi kenderaan-kenderaan yang telah dilelong selepas tarikh lelongan.
16. Majlis **TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB** atas apa-apa risiko kerugian dan/atau liabiliti daripada kenderaan buruk yang telah dilelong selepas tarikh lelongan.
17. Tidak dibenarkan sebarang rakaman dan penstriman langsung ('live') melalui apa-apa peranti.
18. Kenderaan buruk yang telah dibida **TIDAK BOLEH** dipulangkan kepada Majlis.
19. Majlis berhak membuat apa-apa keputusan yang difikirkan wajar dan munasabah berkaitan dengan lelongan dan keputusan tersebut adalah **MUKTAMAD.**